

No. Sebut harga :

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
JALAN PINANG RAJA
32040 SERI MANJUNG
PERAK DARUL RIDZUAN

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Sebut Harga	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	PERALATAN DAN KELENGKAPAN PEJABAT TELEVISYEN TOSHIBA LED "40 INCI"	BIL (20) MPM (JPR) 400-10/2/19	1	15.00
2.	PERALATAN DAN KELENGKAPAN PEJABAT TELEVISYEN LG "42 INCI"	BIL (21) MPM (JPR) 400-10/2/19	1	15.00
3.	PERALATAN DAN KELENGKAPAN DAPUR MESIN DOBI AUTOMATIK HITACHI 15KG	BIL (22) MPM (JPR) 400-10/2/19	1	15.00

2. Aset boleh dilihat mulai **9 September 2019 (Isnin)** hingga **13 September 2019 (Jumaat)** mengikut waktu pejabat di **Stor Aset, Sitiawan**. Pegawai yang boleh dihubungi bagi tujuan ini adalah Encik Zulhafizan Bin Omar (05-6898923/8924).
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung** dengan harga jualan RM 15.00 setiap satu dan wang pembayaran tidak akan dikembalikan. Dokumen sebut harga akan mula dijual pada **9 September 2019 (Isnin)** hingga **27 September 2019 (Jumaat)**. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut Harga dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat :-

**Kaunter Perkhidmatan Pelanggan
Majlis Perbandaran Manjung
Jalan Pinang Raja
32040 Seri Manjung
Perak Darul Ridzuan**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **27 September 2019 jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

t.t

(SYAMSUL HAZEMAN BIN MD SALLEH, AMP.)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Manjung

Alamat : **Majlis Perbandaran Manjung
Jalan Pinang Raja
32040 Seri Manjung
Perak Darul Ridzuan**

Tarikh :

Cop :

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga diwajibkan untuk mengemukakan dokumen sokongan berikut :-
 - i. Salinan **Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** mengikut kod bidang yang berkaitan (jika ada) untuk syarikat; **ATAU**
 - ii. Salinan **Kad Pengenal** individu/perorangan sebelum membeli borang sebut harga.
3. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak lima peratus (5%) daripada harga tawaran bagi setiap aset atau Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja (RM5,000.00) mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Banksahaja atas nama **MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**
4. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkat dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
10. Semua logo dan tanda jabatan (sekiranya ada) pada aset mestilah dipadamkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh aset itu diambil oleh pembeli.